

Pameran UMS di Kinabatangan dapat sambutan

31/3/2011 UB BT

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memainkan peranannya sebagai pemacu kecemerlangan pendidikan di Sabah melalui pelbagai program termasuk pameran dan promosi di setiap pelusuk daerah di negeri ini.

Terbaru, UMS melalui program Pameran 'Roadshow' UMS 2011, telah mengunjungi daerah Kinabatangan bagi mempromosi sekaligus menyalurkan maklumat kepada masyarakat di daerah itu.

Pameran yang berlangsung selama sehari itu telah dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Korporat dan turut disertai bersama oleh Bahagian Perkhidmatan Akademik dan Sekolah-Sekolah Pengajian di UMS.

Pegawai pameran, Kenny Uwai berkata sambutan yang diterima amat mengalakkannya khususnya di kalangan ibu bapa dan para pelajar. Risalah dan maklumat yang dibawa juga hampir tidak mencukupi memandangkan ramai yang hadir untuk mendapatkan maklumat mengenai pengajian di UMS.

"Kita juga telah mengadakan ceramah dan taklimat di samping



DAPAT SAMBUTAN ... Antara pelajar yang hadir pada pameran UMS itu.

sesi soal jawab bersama ibu bapa dan pelajar," katanya.

Pameran 'Roadshow' UMS 2011 telah bermula sejak 9 Februari lalu dan diadakan secara berperingkat di seluruh daerah di negeri ini termasuk Lawas, Sarawak dan Wilayah

Persekutuan Labuan.

Acara kemuncak pameran ini akan diadakan pada Jumaat dan Sabtu ini di Palm Square, Centre Point Sabah. Orang ramai khususnya ibu bapa dan para pelajar adalah dijemput hadir bagi menjayakan lagi pameran berkenaan.